



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.94 / 2018

KENYATAAN AWAL TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH PILIHAN RAYA BERKENAAN DUN N.27 RANTAU, NEGERI SEMBILAN.

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) merujuk kepada keputusan Mahkamah Pilihan Raya bertarikh 16 November 2018 (Keputusan Tersebut) berkenaan dengan pilihan raya DUN.27 Rantau, Negeri Sembilan. Dimaklumkan bahawa pada tarikh kenyataan ini dikeluarkan, alasan penghakiman rasmi Keputusan Tersebut belum dibekalkan. Pihak SPR akan membuat kenyataan susulan atau tambahan, sekiranya perlu, setelah alasan penghakiman dibekalkan dan diteliti kelak. Kenyataan awal ini dibuat tanpa menjejaskan (without prejudice) hak SPR untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan terhadap Keputusan Tersebut sekiranya didapati sesuai dan perlu.
2. SPR, sebagai sebuah agensi yang diamanahkan untuk mengadakan dan mengawal selia pilihan raya secara adil dan saksama mengikut amalan demokrasi yang sihat, ingin memberi jaminan bahawa SPR bertekad untuk mematuhi semua peruntukan undang-undang dan peraturan pilihan raya serta juga amalan pilihan raya yang baik dan setara dengan piawaian sejagat.
3. SPR memberi perhatian serius kepada semua penemuan fakta (findings of facts) di dalam Keputusan Tersebut, terutamanya mengenai pemecahan tugas dan pelanggaran undang-undang serta peraturan pilihan raya semasa hari penamaan calon bagi DUN.27 Rantau pada Pilihan Raya Umum (PRU14) yang lalu.

4. Oleh yang demikian, SPR tidak akan bertolak ansur dengan apa-apa pelanggaran undang-undang ataupun peraturan pilihan raya oleh mana-mana pihak khususnya petugas di masa hadapan. Namun, SPR akur akan tanggungjawabnya untuk melengkapkan semua petugas pilihan raya dengan maklumat dan pengetahuan mengenai undang-undang dan peraturan pilihan raya yang tepat dan betul.

5. Demi melaksanakan tanggungjawab kepada semua petugas pilihan raya, SPR akan berusaha untuk memastikan agar semua petugasnya di masa akan datang memahami dan mematuhi semua peruntukan undang-undang dan peraturan pilihan raya. Untuk itu, kajian akan dibuat bagi menilai sama ada program latihan petugas SPR mempunyai apa-apa kelemahan dan sekiranya perlu, tindakan akan diambil untuk memperbaiki mutu program latihan petugas-petugas pilihan raya pada masa akan datang.

6. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, sebagai salah satu agenda penambahbaikan proses pilihan raya di masa akan datang, SPR juga akan mengkaji semula peruntukan-peruntukan undang-undang dan peraturan pilihan raya dengan tujuan untuk mencapai tahap kejelasan yang lebih baik untuk mengelakkan apa-apa kesilapan di dalam memberi tafsiran kepada mana-mana peruntukan tersebut.

7. SPR berterima kasih kepada semua petugas pilihan raya yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga demi menjalankan tanggungjawab kepada negara untuk menjalankan proses pilihan raya dengan tekun dan bersemangat. SPR yakin bahawa mereka akan terus memberi khidmat yang terbaik untuk negara.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 19 November 2018 / 11 Rabiul Awal 1440H